



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
BERKAITAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH  
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BAGI  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA/  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI/  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI**

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA/**  
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI/**  
**MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI**

**PENGURUSAN KES**

**1. Bilakah tarikh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa?**

Tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, 1 April 2020 hingga 14 April 2020 dan tertakluk kepada apa-apa tarikh lanjutan yang diumumkan oleh kerajaan. Ini termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Yang diperketatkan (PKPD).

**2. Adakah Mahkamah Syariah akan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?**

Tidak. Mahkamah Syariah tidak beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Pengecualian diberikan bagi pendaftaran kes-kes baharu yang wujud keperluan yang mendesak dengan kebenaran Mahkamah Syariah di negeri berkenaan dan kes-kes yang tertakluk kepada had masa di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

**3. Adakah Mahkamah Syariah seluruh Malaysia ditutup sepenuhnya untuk perbicaraan kes-kes?**

Ya. Semua prosedur perbicaraan sama ada kes mal atau jenayah di mahkamah terbuka atau mahkamah tertutup ditangguhkan semasa PKP berkuat kuasa **kecuali** bagi pendengaran kes baharu yang mendesak melalui Perakuan Segera dengan kebenaran mahkamah.

**4. Bolehkah permohonan bagi mendapatkan Perintah Interim/Injunksi Ex-Parte difailkan?**

Boleh. Kelulusan bagi pendengaran permohonan tersebut adalah tertakluk kepada merit sesuatu kes. Tatacara bagi pendengaran kes tersebut, jika dibenarkan, adalah berdasarkan kepada Arahan Amalan N0. 11 Tahun 2019 (Pendengaran Permohonan Perintah Interim Injunksi Ex-Parte Yang Difailkan Atas Perakuan Segera).

**5. Bagaimana Permohonan Perakuan Segera Diuruskan?**

(a) Mahkamah Rayuan Syariah

Perakuan Segera dikendalikan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dan mendapatkan arahan selanjutnya dari YAA Ketua Hakim Syarie

(b) Mahkamah Tinggi Syariah

Perakuan Segera dikendalikan oleh Pendaftar/Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan mendapatkan arahan selanjutnya dari Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

(c) Mahkamah Rendah Syariah

Perakuan Segera dikendalikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah

**6. Apakah status kes yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan di dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Semua kes Mal, Jenayah, Faraid, Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan/Majlis Sulh/rundingcara BSK di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah ditangguhkan.

**7. Bilakah kes yang ditangguhkan sewaktu tempoh PKP ini akan didengar semula?**

Kesemua kes yang ditangguhkan sewaktu PKP di semua peringkat prosiding akan ditetapkan tarikh penjadualan semula. Penetapan tarikh perbicaraan/pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian.

**8. Apakah status kes yang telah ditetapkan tarikh sebutan/perbicaraan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir ?**

Semua kes Mal, Jenayah, Faraid, Sulh dan BSK yang telah ditetapkan tarikh sebutan/ perbicaraan/ Majlis Sulh/ rundingcara BSK selepas Perintah Kawalan Pergerakan berakhir adalah berjalan seperti yang dijadualkan.

**9. Bagaimanakah pemakluman tarikh tangguhan baru bagi sebutan/perbicaraan/Majlis Sulh/rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bagi kes yang terlibat dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tarikh tangguhan baharu akan dimaklumkan melalui apa jua medium komunikasi yang bersesuaian.

**10. Bagaimana cara untuk pihak-pihak memohon bagi memfailkan kes atas alasan kes mendesak dengan Perakuan Segera atau had masa?**

Pihak-pihak boleh menghubungi mahkamah terlebih dahulu agar keperluan bagi pengurusan kes tersebut boleh diaturkan. Maklumat perhubungan Mahkamah Syariah seperti di lampiran.

**11. Apakah langkah-langkah yang yang diambil sekiranya perbicaraan dibenarkan?**

Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut;

- (a) Pendengaran didengar dalam mahkamah terbuka;
- (b) Memastikan jarak sosial dipatuhi;
- (c) Pegawai dan pelanggan yang demam/tidak sihat tidak dibenarkan hadir;
- (d) Pegawai dan pelanggan hendaklah memakai penutup hidung dan mulut;
- (e) Menggunakan cecair pembasmi kuman/mencuci tangan dengan sabun sebelum dan selepas berurusan; dan
- (f) Sentiasa mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

**SULH**

**12. Adakah Unit Sulh Mahkamah Syariah beroperasi sepanjang PKP berkuatkuasa?**

Tidak. Unit Sulh tidak beroperasi dan semua sesi Majlis Sulh ditangguhkan.

**13. Bilakah tarikh penjadualan semula Majlis Sulh?**

Tarikh sidang Majlis Sulh ditetapkan sebaik sahaja tempoh PKP tamat dan pihak-pihak akan dimaklumkan kemudian.

**14. Bagaimana pihak-pihak dapat mengetahui tarikh sidang Majlis Sulh mereka?**

Tarikh tangguhan baharu akan dimaklumkan melalui apa jua media komunikasi yang bersesuaian.

**15. Jika pihak-pihak mempunyai persetujuan di luar Mahkamah dan belum memfailkan kes, bagaimana pelaksanaan persetujuan pihak-pihak tersebut sedangkan belum dijadikan perintah persetujuan?**

Pihak-pihak boleh terus melaksanakan perjanjian persetujuan yang telah dicapai secara bersama dan setelah tempoh PKP tamat, hendaklah seberapa segera memfailkan tuntutan tersebut ke Mahkamah Syariah dan pengendorsan perjanjian penyelesaian tersebut di hadapan Hakim Syarie boleh dibuat dengan kadar segera.

**16. Jika pihak-pihak mempunyai persetujuan di luar Mahkamah dan kes telah didaftarkan sebelum PKP, bagaimana pelaksanaan persetujuan pihak-pihak tersebut sedangkan belum dijadikan perintah persetujuan?**

Pihak-pihak boleh menghubungi pihak mahkamah bagi mendapatkan nasihat bagi merekodkan persetujuan tersebut.

## **BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA**

**17. Bekas suami enggan memberi nafkah dalam tempoh PKP dan apakah tindakan yang perlu dilakukan?**

Aduan boleh dikemukakan di FB Page Bahagian Sokongan Keluarga-BSK / e-mel Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri dengan memberikan maklumat aduan yang lengkap berserta nombor telefon/ e-mel yang dapat dihubungi bagi tujuan rujukan lanjut pihak BSK.

**18. Bagaimanakah untuk memohon bantuan nafkah Isteri sepanjang tempoh PKP?**

Dana Pendahuluan/Bantuan nafkah boleh dipohon sepanjang tahun walaupun dalam tempoh PKP. Medium e-mel bagi tujuan penghantaran borang boleh digunakan oleh pelanggan. Permohonan akan diproses oleh BSK dalam tempoh yang munasabah dengan mengambil kira tempoh kelulusan oleh jawatankuasa dan pemprosesan bayaran.

**19. Apakah yang perlu dilakukan jika sekiranya bekas suami enggan untuk membuat pembayaran nafkah jika sekiranya telah mendapat perintah daripada Mahkamah?**

Sekiranya bekas suami enggan membayar nafkah sepertimana yang telah diperintahkan, aduan pelanggaran perintah boleh dikemukakan kepada BSK melalui laman FB page Bahagian Sokongan Keluarga-BSK/ BSK Seksyen Negeri. Aduan akan disemak dan diproses oleh BSK. Suatu notis peringatan akan dikeluarkan kepada suami/bekas suami sebelum tindakan selanjutnya seperti runding cara, pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah diambil oleh BSK yang akan dilaksanakan selepas tempoh PKP tamat.

Sekiranya sesuatu kes mendesak yang memerlukan penyelesaian segera, pemiutang penghakiman boleh memfailkan perakuan segera kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-negeri bagi kebenaran pemfailan dan atau pendengaran melalui apa-apa kaedah pemfailan atau pendengaran yang sesuai dengan hal keadaan pihak-pihak.

**20. Siapakah yang boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut mengenai perkara di atas?**

Untuk penjelasan lanjut boleh dikemukakan di FB Page Bahagian Sokongan Keluarga-BSK/e-mel Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri dengan memberikan maklumat yang lengkap beserta nombor telefon/e-mel yang dapat dihubungi bagi tujuan rujukan lanjut pihak BSK.

**PERSOALAN UMUM**

**21. Apa yang perlu dilakukan jika bekas suami berkeras untuk mengambil anak dalam tempoh PKP ini sepertimana dinyatakan dalam perintah?**

Semua warganegara Malaysia adalah terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Jika mana-mana pihak berkeras untuk meneruskan hasrat untuk mengambil anak dalam tempoh PKP, tindakan tersebut adalah atas tanggungjawab sendiri kerana pada dasarnya tugas mahkamah telah selesai sebaik sahaja perintah mahkamah diumumkan.

Pihak-pihak boleh untuk menggunakan mana-mana aplikasi secara maya sebagai contoh panggilan video melalui WhatsApp, aplikasi Zoom dan lain-lain yang bersesuaian sebagai medium untuk berkomunikasi dengan kanak tersebut di sepanjang tempoh PKP ini.

**22. Suami lafaz taklik "Jika engkau keluar dari pintu rumah itu, jatuh talak". Apa yang perlu dilakukan apabila taklik tersebut dilanggar dalam tempoh PKP?**

Berdasarkan undang-undang, lafaz cerai takliq oleh suami tersebut adalah termasuk di dalam talaq di luar dan tanpa kebenaran mahkamah. Pihak-pihak boleh menghubungi mahkamah untuk menentukan sama ada kes tersebut



adalah sesuatu yang mendesak untuk difailkan atau sebaliknya kerana mendesak atau tidak sesuatu kes adalah berdasarkan merit dan fakta setiap kes.

**23. Bagaimana orang awam mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan Mahkamah sewaktu tempoh PKP?**

Sekiranya terdapat keperluan berkenaan urusan kes semasa PKP, orang awam boleh menghubungi Mahkamah Syariah Negeri sepertimana maklumat di Lampiran.

## LAMPIRAN 1

### Maklumat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri/ Bahagian Sokongan Keluarga

BIL	ALAMAT	LAMAN SESAWANG RASMI/NOMBOR TELEFON PEGAWAI BERTUGAS
1.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Terengganu Jalan Sultan Mohamad 20110 Kuala Terengganu, <b>Terengganu</b>	Laman sesawang rasmi: syariah.terengganu.gov.my  013-9209792 – Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
2.	Jabatan Kehakiman Syariah Perak Kompleks Mahkamah Syariah Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak 30100 Ipoh <b>Perak</b>	Laman sesawang rasmi: syariah.perak.gov.my  012-5173194 – Tuan Ab. Rahman Thobroni bin Mohd Mansor
3.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Tingkat 4, Bangunan Mahkamah Syariah Anjung Kanan, Jalan Satok 93400 Kuching, <b>Sarawak</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="https://syariah.sarawak.gov.my">https://syariah.sarawak.gov.my</a>
4.	Mahkamah Syariah Negeri Melaka Kompleks Mahkamah Syariah Melaka Jalan Ayer Keroh Lama, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh, <b>Melaka</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://www.mahsyariahmelaka.gov.my">www.mahsyariahmelaka.gov.my</a>  019- 5276336 – Tuan Mohammad Zulkhairi bin Aziz
5.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan 1054A, Jalan Sendayan 71950 Bandar Seri Sendayan <b>Negeri Sembilan</b>	Laman sesawang rasmi: jksns.ns.gov.my  019-6001832 – Puan Ruzita binti Ramli

6.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam <b>Selangor</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://www.iakess.gov.my">www.iakess.gov.my</a>  011-18576493 – Tuan Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab
7.	Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang No.3, Jalan Batu Gantung 10450, George Town <b>Pulau Pinang</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://jksnpp.penang.gov.my">jksnpp.penang.gov.my</a>  013-4622906 – Tuan Jasmin bin Ismail
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 06550 Bandar Muadzam Shah, <b>Kedah</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://kedah.jksm.gov.my">kedah.jksm.gov.my</a>  019-4804688 – Tuan Syeikh Kamaruslan bin Mustapha
9.	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan No. 71 Jalan Sri Hartamas 1 Taman Sri Hartamas 50676 <b>Kuala Lumpur</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://www.mswp.gov.my">www.mswp.gov.my</a>  012-6343468 – Tuan Muhammad Khairul Nizam bin Kassim
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang Jalan Masjid, 25000 Kuantan, <b>Pahang</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://pahang.jksm.gov.my">pahang.jksm.gov.my</a>  019-4783011 – Tuan Borhan bin Hussin
11.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan Kompleks Mahkamah Syariah Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas – Salor 15510 Kota Bharu <b>Kelantan</b>	Laman sesawang rasmi: <a href="http://kelantan.jksm.gov.my">kelantan.jksm.gov.my</a>  013-9202992 – Tuan Mohd Hafiz bin Daud

12.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah Tingkat 2, Blok B, Bangunan Wisma MUIS Beg Berkunci No.130 88734 Kota Kinabalu <b>Sabah</b>	Laman sesawang rasmi: sabah.jksm.gov.my  016-9274787 – Puan Surayah binti Ramlee
13.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor Lot 259, Jalan Abu Bakar 80100 Johor Bahru Johor Darul Takzim.	Laman sesawang rasmi: syariah.johor.gov.my  016-6993751 – Tuan Sahul Hamid bin Moideen
14.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis Darul Qada' Tuanku Syed Sirajuddin Persiaran Jubli Emas, Jalan Pegawai 01000 Kangar <b>Perlis</b>	Laman sesawang rasmi: jksn.perlis.gov.my  011-35775282 – Puan Norzurairah binti Mat Yusoff
15.	Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	FB Page Bahagian Sokongan Keluarga-BSK/e-mel Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri  019- 6935606 – Dr. Jazilah binti Mohd Saad